



SERAMAI kira-kira 150 orang tokoh perusahaan dan pelabor dari negara-negara Asean, Asia Barat dan negara-negara maju menghadiri persidangan pelaboran Asean-Asia Barat di Kuala Lumpur selama dua hari.

■ **Gambar:** Dato Seri Dr. Mahathir sedang berbual-bual dengan dua orang peserta persidangan tersebut.

Pertumbuhan 'piramid' juga dicadang Mahathir syor peraturan tiga hala untuk majukan Asean

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya diwujudkan satu 'pertumbuhan berbentuk piramid' di rantau Asean.

Piramid pertumbuhan ini, jelas beliau diwujudkan dengan sumber-sumber asli dan tenaga kerja Asean, sumber kewangan Asia Barat dan teknologi serta kemahiran negara-negara membangun untuk kepentingan ekonomi Asean dan pihak yang terlibat.

Berucap merasmikan persidangan Pelaburan Asean Asia Barat di sini hari ini beliau menegaskan: "Kita melihat peraturan tiga hala ini sebagai jalan yang paling sesuai memenuhi hasrat negara-negara Asean untuk memajukan ekonomi mereka dan hasrat negara-negara Asia Barat serta negara-negara maju untuk menggunakan sumber-sumber kewangan, teknikal dan pengurusan yang ada pada mereka dengan sepenuhnya disamping mencari keuntungan."

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, negara-negara Asean

KUALA LUMPUR, Khamis

menyadari hakikat bahawa setiap aktiviti pelaburan sama ada dalam bidang perindustrian atau pembangunan pertanian dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan.

Keuntungan

"Kita tidak akan memberi perhatian kepada projek-projek perindustrian yang tidak akan mendatangkan keuntungan. Sebaliknya kita tidak pula berharap ahli-ahli perniagaan dari Asia Barat atau lain-lain negara yang maju datang melabur di sini semata-mata untuk menghulurkan derma."

Apa yang diharapkan ialah disamping membantu negara-negara Asean ca-

lam memajukan ekonomi masing-masing, para pelabur itu juga mendapat ganjaran melalui keuntungan dalam apa-apa aktiviti pelaburan mereka di sini, jelas beliau.

Menurut beliau, negara-negara Asean secara individu telah mengadakan peraturan serta garis-garis panduan masing-masing berhubung dengan pelaburan supaya setiap aktiviti pelaburan dijalankan dalam rangka garis panduan tersebut.

Garis-garis panduan itu adalah bagi menjamin agar negara-negara Asean dapat menikmati bersama segala keuntungan yang diperolehi dalam bidang kerjasama pelaburan sama ada dua hala atau tiga hala, tambah beliau.

Timbalan Perdana Menteri juga menyentuh tentang peranan sektor awam dan sektor swasta yang masing-masing berjalan dalam rangka objektif masing-masing.

Objektif

Katanya, sektor swasta tidak boleh semata-mata menumpukan kepada keuntungan maksima kerana dengan sikap demikian mereka akan mengeneipkan peranan sosial yang harus dilaksanakan.

Sebaliknya pula, pihak Kerajaan mempunyai objektif sosial yang tertentu yang tidak akan dapat dilaksanakan dengan hanya mendapat keuntungan yang maksima melalui sesuatu pelaburan.

Oleh itu, tambah beliau, untuk menjamin matlamat ini tercapai, garis-garis panduan terpaksa diadakan untuk menyalurkan usah-usah sektor swasta ke arah mencapai objektif sosial.

Sekitar Pilihanraya Kelantan

Mahathir: Kita mana seluas kerajaan juj di Kelantan

KOTA BHARU, Khamis.—Timbalan Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap sesapa sahaja pemimpin Umno yang didapati curang, rasuah dan gagal melaksanakan amanah rakyat.

Barisan Nasional mahu mendirikan sebuah Kerajaan yang jujur dan yang boleh berkhidmat sepenuhnya kepada rakyat dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk kecurangan, katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian semasa berjumpa di dalam majlis ramah di Sekolah Kebangsaan Kampung Hanggi dekat sini malam tadi sebagai membantu kempen calon Barisan Nasional, Eneik Mohamad bin Husain yang bertanding untuk meletakkan kerusi Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Semang Api dalam pilihanraya Sabtu ini.

Selain dari Eneik Mohamad tiga orang calon lain turut bertanding merembat kerusi kawasan yang mempunyai 9,770 orang pengundi. Mereka ialah Wan Mat bin Wan Yusoff dari Pas, Eneik Nik Mat bin Nik Din dari Berjasa dan Eneik Sapela bin Nik Yusoff, Bebas.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi jaminan dengan adanya hasrat seumpama itu rakyat Kelantan akan mendapat pimpinan yang jujur sekiranya Barisan Nasional memenangi pilihanraya tersebut.

Bellau juga menegaskan, bahawa Barisan Nasional, khususnya Umno bukanlah sebuah parti yang takut Lantaran itu ia sanggup bekerjasama dengan parti berjasa lalu membentuk sebuah Kerajaan menentang pilihanraya itu.

Katanya, apa yang lebih penting dari kekuasaan ialah memulau perpaduan orang-orang Melayu dan umat Islam serta keteguhan agama, bangsa dan negara.

Bellau juga berkata, adalah tidak logik bagi Pas yang tidak sudah menjadi sebuah parti pembangkang dapat bekerjasama dengan Kerajaan Pusat sekiranya

Pas dapat mengekalkan pemerintahannya di Kelantan.

Ini ialah kerana sesama berada dalam Barisan Nasional dua Pas gagal memberikan kerjasama sepenuhnya tegas bellau.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga berkata, Umno tidak perlu mempunyai ideologi seperti parti-parti politik lain, kerana ia ingin berkhidmat kepada rakyat dan negara dengan jujur dan berkesan.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengancam pemimpin-pemimpin Pas yang menyebut Umno tidak mempunyai ideologi dalam perjuangannya, sedangkan Pas menurut dakwaan pemimpin-pemimpinnya berideologikan Islam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Islam adalah agama dan bukan satu ideologi, bagaimana hendak diasmakan Islam dengan ideologi.

"Di Russia tidak mempunyai agama, maka komunisme adalah ideologi mereka, adakah kita hendak asamakan Islam dengan komunisme," ujarnya.

"Kita tidak perlu ideologi, cumba mahu berkhidmat kepada rakyat dan ne-

gara dengan jujur dan berkesan," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Bu khususnya Umno bukan lamakkan kuasa, tetapi kita cuma mahu kan kuasa untuk berkhidmat kepada rakyat.

Bellau menafikan dakwaan pemimpin-pemimpin Pas kononnya Umno berhasrat sangat untuk berkuasa di Kelantan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Seliraya kita benar-benar ingin dapatkan kuasa di Kelantan ini, kita boleh mengadakan pilihanraya lebih awal lalu semasa berlakunya rusuhan."

"Tetapi," tambahnya, "Kerajaan Bu sentiasa menghormati dan mengajalkan sistem demokrasi dengan memberi kebebasan sepenuhnya kepada rakyat memilih bentuk Kerajaan yang mereka kehendaki."

Bellau menjelaskan, perubahan Kerajaan Magellan di Kelantan untuk memberi kesempatan kepada rakyat negeri ini memikirkan semua berbagai aspek kehidupan dan kemajuan serta buruk baiknya pergolakan yang lalu.

"Setelah keadaan dipatu tenang, kita mengadakan pilihanraya ini untuk orang-orang Kelantan memilih sendiri Kerajaan yang mereka sukai," ujarnya.



DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad disambut meriah serta beramah mesra dengan orang ramai waktu bellau hadir di majlis pembukaan Masjid Kampung Padang Sakar dekat Pastr Mas, Batu Kelantan.

Turut mengiringi bellau ialah Menteri Besar Datuk Haji Mohamad bin Nasir. — Gambar Berita Harian.

Dr. M: Hanya yang kaya kena cukai — Kerajaan BN tak beban rakyat

BACHOK, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pentadbiran kerajaan Barisan Nasional tidak membebankan rakyat miskin khususnya mereka di luar-luar bandar.

Katanya, orang-orang kaya dan berada dikenakan cukai, tetapi mereka yang miskin tidak dikenakan sebarang cukai walaupun cukai pendapatan.

Jumlah cukai yang dipungut dari orang-orang kaya atau berada ialah sebanyak 55 sen daripada tiap-tiap seringgat, tambah Datuk Seri Dr. Mahathir.

Keadan ekonomi kukuh

Bellau menyebut demikian sewaktu merasmikan pembukaan bangunan baru Sekolah Menengah Jelawat, di sini petang ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa hutang negara sekarang ini tidak juga membebankan rakyat jelata atau menyusahkan generasi akan datang.

Katanya, kedudukan ekonomi negara ini adalah kokoh dan mempunyai sumber-sumber kewangan yang kokoh. Pinjaman luar yang dibuat selama ini tidak menjejaskan kewangan negara.

Menurut bellau, pinjaman luar itu dibuat untuk membiayai projek-projek pembangunan negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat seluruhnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Malaysia adalah di antara negara yang benar-benar mampu membayar balik hutang yang dipinjam di masa-masa lalu atau sekarang.

Bellau menafikan tuduhan bahawa hutang-hutang negara sekarang akan membebankan generasi-jenerasi 15 atau 20 tahun akan datang.

Kerajaan berkemampuan

Datuk Seri Dr. Mahathir bertanya, "adakah hutang negara dalam masa 20 tahun lalu membebankan rakyat yang ada sekarang?".

"Pembayaran balik hutang negara itu adalah hasil dari pungutan cukai dari orang-orang kaya dan berada," ujarnya lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan, kerajaan yang ada sekarang mempunyai kemampuan untuk menunaikan tuntutan rakyat dalam berbagai bidang.

Katanya lagi, kerajaan mempastikan sesuatu projek yang dirancang untuk kemudahan rakyat tetap dapat dilaksanakan.

"Kalau dipapali sebuah kerajaan yang mudah berjanji, tetapi tidak mampu melaksanakan janji itu, banyakkah rancangan terbengkalai," katanya.

Tegasnya, Kerajaan BN yang ada sekarang mempunyai niat dan kemampuan untuk berkhidmat ke-

pada rakyat. "Kita boleh meyakinkan segala kemudahan yang dikehendaki oleh rakyat akan diberi selagi kerajaan ini berkuasa," ujarnya.

Katanya lagi, Kerajaan Malaysia sentiasa memberi perhatian berat terhadap kemajuan dan tuntutan rakyat jika dibandingkan dengan lain-lain negeri yang ekonominya setaraf dengan negeri ini.

Bellau menyuruh rakyat seluruhnya supaya jangan sekali-kali keadaan yang ada di Malaysia sekarang cuba dislewengkan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab.

Mengenai pelajaran, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan memberi perhatian berat kepada semua mata pelajaran termasuk agama di semua sekolah.

Katanya, setiap anggota masyarakat yang berpelajaran cukup tidak mudah terpengaruh dengan anai-anais jahat dan musuh negara.

12/10
9/1/80